



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**TAYANGAN LANGSUNG PENDENGARAN PERMOHONAN UNTUK MENERIMA  
MASUK DAN MENDAFTARAIKAN PEMPETISYEN SEBAGAI PEGUAM BELA  
DAN PEGUAM CARA (CALL TO THE BAR) DI MAHKAMAH TINGGI MALAYA  
SECARA SIDANG VIDEO SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa bergerak secara seiring dengan perkembangan teknologi dalam memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) bukan sahaja kepada pemegang taruh dan orang awam malahan kepada semua lapisan masyarakat. Ini adalah termasuk individu yang telah memfailkan permohonan untuk diterima masuk dan didaftari sebagai peguam bela dan peguam cara terutamanya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini.

Sehubungan itu, pada 2 hingga 4 Disember 2020, Badan Kehakiman Malaysia akan mengadakan tayangan langsung (*live streaming*) Pendengaran Permohonan untuk Menerima Masuk dan Mendaftaraikan Pempetisyen sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara (*Call to the Bar*) di Mahkamah Tinggi Malaya secara sidang video.

Projek perintis ini akan dimulakan di Bahagian Kuasa-Kuasa Khas 1 dan Bahagian Kuasa-Kuasa Khas 2, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur serta Bahagian Kuasa-Kuasa Khas di Mahkamah Tinggi Shah Alam.

Pendengaran petisyen di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akan diadakan sebanyak tiga (3) sesi yang melibatkan tujuh (7) pendengaran petisyen pada setiap sesi. Sesi pada 2-3 Disember 2020 adalah pada jam 9.00 pagi, 11.00 pagi dan 2.00 petang dan sesi pada 4 Disember 2020 adalah pada pukul 9.00 pagi, 11.00 pagi dan 3.00 petang.

Pendengaran petisyen di Mahkamah Tinggi Shah Alam pula akan diadakan pada 2 Disember 2020 jam 9.00 pagi dan melibatkan empat (4) pendengaran petisyen.

Tayangan langsung sidang video tersebut akan disiarkan secara serentak melalui tiga (3) saluran iaitu di portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my) dan akaun media sosial rasmi Youtube dan Facebook Badan Kehakiman Malaysia: The Malaysian Judiciary.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

Tarikh: 30 November 2020